



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PERPUSTAKAAN DESA DIPERKASA SEBAGAI NADI KOMUNITI BAHARU MELALUI PROGRAM 1PD1PRODUK

Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia terus memperkasa peranan Perpustakaan Desa sebagai pusat pengupayaan komuniti yang holistic yang berfungsi sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi setempat.

Melalui pelaksanaan program **1 Perpustakaan Desa 1 Produk (1PD1Produk)**, setiap Perpustakaan Desa diketengahkan untuk menonjolkan sekurang-kurangnya satu produk, perkhidmatan atau identiti komuniti yang unik serta berpotensi komersial. Inisiatif ini menjadikan Perpustakaan Desa sebagai pemudah cara kepada pembangunan ekonomi luar bandar di samping mengekalkan fungsi utamanya sebagai pusat ilmu dan pembelajaran.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menegaskan bahawa, “Perpustakaan Desa perlu diperkasakan sebagai pusat komuniti yang bukan sahaja menyatukan masyarakat, malah menjadi platform pembangunan ekonomi setempat yang mampan.” Sehingga kini, sebanyak **488 rekod produk** telah dikenal pasti di seluruh negara dan disusun mengikut negeri bagi tujuan pemantauan dan promosi berterusan. Produk yang diketengahkan merangkumi makanan tradisional, kraftangan, hasil pertanian serta perkhidmatan berasaskan pengalaman tempatan.

Dari segi kategori, **Produk Makanan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 296**, diikuti **Produk Perkhidmatan (128)**, **Produk Kraftangan (56)** dan **Produk Pertanian (8)**. Bagi taburan negeri, **Negeri Sembilan mencatatkan rekod tertinggi dengan 60 produk**, diikuti **Kedah (59)**, **Sabah (48)** dan **Perak (44)**. Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan negeri-negeri dalam memperkukuh peranan Perpustakaan Desa sebagai pusat pembangunan komuniti.

UNTUK SIARAN SEGERA

Setiap produk dikenal pasti berdasarkan kekuatan dan identiti setempat, dengan maklumat direkodkan secara sistematik meliputi nama produk, kategori, lokasi serta pengusaha. Data ini digunakan untuk tujuan promosi melalui program komuniti, pameran, media sosial dan jaringan kerjasama strategik bagi memperluas akses pasaran usahawan kecil.

Secara keseluruhannya, program 1PD1Produk telah memberi impak positif melalui peningkatan keterlihatan produk tempatan, sokongan kepada usahawan kecil serta pengukuhan hubungan antara Perpustakaan Desa dan komuniti. Inisiatif ini turut memperkukuh identiti lokaliti serta mencipta nilai tambah kepada pembangunan setempat.

Program ini bertujuan untuk mengetengahkan identiti komuniti, memperluas penglibatan ekonomi rakyat serta memperkukuh fungsi Perpustakaan Desa sebagai pusat pembangunan komuniti yang inklusif dan berimpak tinggi. Ia diyakini mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan luar bandar yang lebih mampan dan berdaya saing.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

27 April 2026

KPN.100-9/1/16 (39)

